

SSPN-i Plus serampang 2 mata

» **Tawar simpanan pendidikan, perlindungan Takaful RM1j**

Oleh **Norakmah Mat Youb**
bhnews@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

SSPN-i Plus yang diperkenalkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sejak awal bulan lalu, disifatkan serampang dua mata, kerana bukan sahaja menawarkan simpanan pendidikan, malah perlindungan takaful sehingga RM1 juta.

Menerusi lima pakej serendah RM50 sebulan, pendeposit SSPN-i Plus menikmati pelbagai keistimewaan, termasuk pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM12,000, dividen kompetitif dan manfaat khairat kematian sebanyak RM18,000 mengikut pakej.

Ketua Pegawai Pemasaran dan Komunikasi Strategik PTPTN, Mastura Mohd Khalid, berkata SSPN-i Plus adalah instrumen simpanan yang direka khas bagi menggalakkan ibu bapa atau diri sendiri, menabung untuk perancangan kewangan pendidikan.

Beliau berkata, pihaknya tidak mahu masyarakat negara ini bergantung kepada pinjaman semata-mata, sebaliknya ingin membudayakan amalan

SUMBANGAN TAKAFUL	RM10	RM20	RM30	RM300
Kematian/ilat kekal (kemalangan)	RM40,000	RM80,000	RM120,000	RM1,000,000
Kematian/ ilat kekal (biasa)	RM20,000	RM40,000	RM60,000	RM500,000
Ilat kekal Separa (kemalangan & biasa)	Tiada	Tiada	Tiada	RM100,000
36 penyakit kritikal	RM10,000	RM20,000	RM30,000	RM100,000
Elaun kemasukan hospital/ hari	RM20	RM40	RM60	RM200

Khairat kematian

RM2,500

(pendeposit dan pasangan)

RM1,000

(anak-anak maksimum 3 orang)

RM18,000

(pendeposit)

RM9,000

(pasangan)

RM2,000

(anak-anak maksimum 3 orang)

BH
4/7/2015
m/s 17

■ Perlindungan takaful hanya melindungi pendeposit

■ Bagi Pakej Berlian, jika maklumat yang diberikan didapati tidak benar, manfaat tidak akan dibayar dan jumlah simpanan beserta dividen akan dipulangkan.



Eksekutif Pemasaran PTPTN, Mohd Amir Hussainy Che Zainuddin (kiri) dan Murni Azzirawaty Mohd Aini **melayan pelanggan** di kaunter PTPTN di Wisma Chase Perdana.

[FOTO SALHANI IBRAHIM/BH]

memasukkan seawal anak berusia satu hari lagi.

Ubah persepsi

Katanya, selain itu, PTPTN juga mahu mengubah persepsi bahawa perbadanan itu bukan sekadar menawarkan pembiayaan pendidikan, tetapi juga menyediakan tabung pendidikan pilihan rakyat.

“SSPN-i Plus adalah pelan simpanan terbaik dengan manfaat yang diterima sangat berbaloi berbanding bayaran komitmen bulanan yang rendah dan komprehensif.

“Bagi mereka yang mempunyai penyakit sedia ada, boleh menyertai skim ini tanpa ragu-ragu dan manfaat akan dibayar selepas tempoh menunggu yang ditetapkan, kecuali bagi manfaat akibat kemalangan adalah serta-merta,” katanya.

Mastura menjelaskan, pelan simpanan yang ditawarkan PTPTN menggunakan konsep Wakalah Bil Istithmar bagi SSPN-i dan kontrak Wakalah bagi skim takaful.



Mastura Mohd Khalid

Sehubungan itu, katanya, orang ramai tidak perlu bimbang dengan pakej ditawarkan kerana mendapat pengesahan syariah oleh Institut Kewangan dan Perbankan Islam Malaysia (IBFIM).

“Mereka yang berminat boleh membuka akaun SSPN-i Plus di mana-mana kaunter PTPTN, termasuk di beberapa

MANFAAT	TEMPOH MENUNGGU
● Kematian akibat kemalangan	Perindungan serta-merta (semua pakej)
● Kematian biasa (kecuali Pakej Berlian)	12 bulan untuk keadaan sedia ada
● Kematian biasa (Pakej Berlian)	3 bulan (pulangan penuh sumbangan)
● Keilatan kekal dan menyeluruh	12 bulan dari tarikh kuat kuasa (keadaan sedia ada)
● Keilatan kekal dan separa (Pakej Berlian sahaja)	12 bulan dari tarikh kuat kuasa (keadaan sedia ada)
● Penyakit kritikal	30 hari dari tarikh kuat kuasa
	12 bulan (penyakit sedia ada)
	120 hari (penyakit khusus)
● Elaun kemasukan hospital	Kemalangan - serta-merta
	Penyakit - 30 hari dari tarikh kuat kuasa
	- 120 hari (penyakit khusus)

Pusat Transformasi Luar Bandar (UTC) dan pasar raya atau eksekutif pemasaran yang dilantik,” katanya.

Mengulas lanjut, Mastura berkata, tiada sebarang peme-

riksaan kesihatan diperlukan, namun bagi Pakej Berlian, pendeposit hanya perlu menjawab tiga soalan kesihatan pada borang pembukaan akaun.